

12 DEC 2002

Ling-MCA

KENYATAAN DR MAHATHIR ADALAH KEBENARAN, KATA DR LING

JOHOR BAHRU, 12 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan kebenaran apabila mengatakan Barisan Nasional (BN) berhak menentukan keanggotaannya.

Dr Ling berkata kenyataan presiden BN itu adalah satu kebenaran dan MCA tidak menganggapnya sebagai satu amaran.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tapak cadangan pembinaan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kulai dekat sini. Tapak itu ditawarkan oleh Yayasan Pelajaran Johor Holdings Sdn Bhd.

Dr Mahathir semalam berkata mana-mana parti komponen yang tidak sanggup mematuhi pendirian BN bermakna parti tersebut tidak mendukung sistem kerjasama dalam BN dan BN mempunyai kuasa untuk menentukan parti yang boleh menganggotainya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kenyataan Dr Ling sebelum itu bahawa BN tidak boleh mengenakan sebarang tindakan disiplin secara langsung terhadap mana-mana individu di dalam parti komponennya.

Menurut Dr Ling hari ini, tindakan MCA dalam menangani kes dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang dari parti itu yang berkecuali ketika pengundian terhadap usul pembangkang pada sidang dewan bulan lepas, dibuat mengikut peraturan dan perlembagaan BN.

MCA, katanya, selalu merujuk dan berbincang dengan presiden BN jika timbul sebarang masalah yang memerlukan keputusan diambil dan ia merupakan amalan yang dibuat selama ini.

MCA tetap akan meneruskan budaya dan sikap bekerjasama yang wujud dalam BN, katanya.

Dr Ling berkata tindakan terhadap dua Adun terbabit akan diambil selepas jawatankuasa disiplin MCA yang menyiasat kes itu mengemukakan laporan.

Dr Ling sementara itu menafikan bahawa jawatankuasa itu akan membuat keputusan esok seperti yang dilaporkan media.

"Kalau mereka (jawatankuasa disiplin) memerlukan masa satu minggu (untuk menyiasat)... takkan keputusannya dapat diketahui dalam masa satu jam," katanya.

Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) akan memberi keterangan kepada jawatankuasa itu esok berhubung tindakan mereka berkecuali semasa pengundian terhadap usul DAP supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) ditangguhkan.

Parti-parti komponen BN telah mengecam keras tindakan Lim dan Tan itu termasuk desakan supaya MCA menyingkirkan mereka.

Pada perkembangan lain, Dr Ling berkata tawaran tapak Utar seluas 200 hektar itu menarik minat MCA kerana kedudukannya yang strategik dan berdekatan dengan bandar Kluang, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Baharu.

-- BERNAMA

BH MOZ